

Headline	Negeri Sembilan kejutkan PDRM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Arena	Page No	45
ArticleSize	202 cm <sup>2</sup>	Journalist	Mohd Amin Jalil
PR Value	RM 23,781		



## LIGA HOKI WANITA

# Negeri Sembilan kejutkan PDRM

Oleh Mohd Amin Jalil  
sukan@hmetro.com.my

**Seremban:** Negeri Sembilan bermula langkah kanan apabila menewaskan Polis Diraja Malaysia (PDRM), 3-2, dalam aksi pembuka tirai Liga Hoki Wanita Malaysia MHL-TNB 2024, di Stadium Hoki Seremban 2, petang kelmarin.

Biarpun tampil dengan sebahagian barisan pemain baharu dan muda, pasukan bimbingan K Rajan itu berjaya menyerlahkan penguasaan apabila di peringkat awal perlawanan sudah mula mencipta beberapa peluang ke kawasan gol lawan.

Usaha tuan rumah mendapatkan gol terhasil menerusi jaringan Zaty Alyani Muhammad Zubir pada minit ke-30, hasil serangan pantas dan gandingan satu dua dengan Qisha Asmira Shahrulzaman, yang menewaskan penjaga gol PDRM, Farah Ayuni Yahya.

Negeri Sembilan kemudian melebarkan lagi penguasaan mereka menerusi gol kedua jaringan Anith Humairah Baharuddin sebaik bermula se-

paruh masa kedua pada minit ke-50.

Bagaimanapun, enam minit kemudian, PDRM merapatkan jurang menerusi Wan Nur Syafiqah Syahirah Wan Nordin manakala Anith Humairah yang beraksi begitu cemerlang membantu Negeri Sembilan mendapatkan gol ketiga pada miniti ke-59.

Seminit kemudian, pasukan pelawat merapatkan jurang selepas Nur Aisyah Yaacob bijak memperdayakan kekekaan bahagian pertahanan untuk menjaringkan gol kedua PDRM.

Usaha PDRM untuk meraih sekurang-kurangnya satu mata tidak kesampaian meskipun berusaha keras sehingga ke penghujung perlawanan apabila pertahanan Negeri Sembilan dilihat kekal bertahan dan berjaya mematahkan setiap serangan lawan.

Ketua jurulatih Negeri Sembilan, K Rajan ternyata gembira dengan keputusan kemenangan sulung dicapai skuad bimbingannya itu walaupun persembahan mereka belum mencapai apa yang diinginkannya.



SKUAD hoki wanita Negeri Sembilan (berjersi merah) tundukkan PDRM 3-2.